

31 JUL 1996

Ranariddh (Bergambar)

TIDAK SERIUS, KATA RANARIDDH MENGENAI MASALAHNYA DENGAN HUN SEN

Oleh: Azman Ujang

LANGKAWI, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri pertama Kemboja Putera Norodom Ranariddh hari ini berkata beliau dan Perdana Menteri kedua Hun Sen tidak akan menggunakan kekerasan dalam menyelesaikan masalah politik mereka yang dianggapnya tidak seserius yang digambarkan oleh media Barat.

"Barat tidak pernah jemu mengajar kita mengenai demokrasi dan apabila kita mempunyai perbezaan idea disebabkan masyarakat kita secara semulajadinya majmuk, media barat akan menghangatkannya. Tetapi saya memberi jaminan bahawa tiada masalah serius," katanya dalam satu temubual dengan Bernama di bilik hotelnya di Pelangi Beach Resort di sini.

Putera Ranariddh, yang berada di sini menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi kedua, berkata masalahnya dengan Hun Sen sebahagian besarnya berpunca daripada cara mereka yang berbeza kerana latarbelakang kebudayaan yang berlainan.

"Saya dilatih di Perancis lebih liberal dan lantang. Berlainan dengan Hun Sen yang tidak terlalu liberal tetapi sangat lantang," katanya dalam temubual selama sejam itu yang banyak berkisar kepada pelbagai isu domestik, ekonomi, serantau dan antarabangsa.

Menurut laporan media Barat, Putera Ranariddh baru-baru ini mengancam untuk menarik keluar partinya Funcipec daripada kerajaan Diraja Kemboja selepas menuduh People's Party Kemboja yang diketuai Hun Sen tidak berkongsi kuasa seadilnya di peringkat daerah dan wilayah.

Menurut laporan, pada Mei Putera Ranariddh, bapanya Raja Norodom Sihanouk dan dua adik lelakinya Putera Norodom Sirivudh dan Putera Norodom Chakrapong, bertemu di Paris selepas Ranariddh mengancam untuk menarik diri.

Sebagai tindak balas, Hun Sen dilaporkan telah berkata beliau akan menggunakan kekerasan untuk menghalang sebarang cubaan membubarkan kerajaan dengan cara yang tidak mengikut perlembagaan.

Putera Ranariddh berkata beliau dan Hun Sen bertekad untuk mengadakan dialog bagi menyelesaikan masalah mereka secara baik.

"Perselisihan kami tidaklah besar dan tidak perlu bagi penggunaan sebarang kekerasan," katanya.

Untuk membuktikan kata-katanya itu, Perdana Menteri berkenaan berkata beliau dan Hun Sen bulan lepas menghadiri satu mesyuarat dengan Bank Dunia di Tokyo untuk membolehkan bank itu menilai keadaan di Kemboja mendahului rancangan untuk terus memberikan bantuan bagi pembinaan semula negara itu.

Katanya Bank Dunia berpuashati dengan kestabilan politik di Kemboja, pembaharuan demokrasinya dan rancangan dibuat untuk pilihan raya umum negara akan datang pada 1998.

Putera Ranariddh berkata masa depan negaranya bertambah baik dan orang sepertinya yang menjadi ahli politik untuk berkhidmat kepada rakyat Kemboja yang memilih mereka tidak boleh membuang masa menumpukan kepada perbalahan politik yang remeh.

Ini terutamanya bagi sebuah negara yang melalui masa lepas yang tragik seperti Kemboja yang kerugian 20 tahun dan kehilangan dua juta rakyatnya hanya kerana perebutan kuasa di kalangan ahli politik.

"Kerana kehilangan 20 tahun dan dua juta rakyatnya, banyak yang perlu dilakukan Kemboja untuk mengejar usaha pembinaan semula negara. Perkara paling penting ialah kestabilan politik dan saya gembira mengatakan bahawa dari segi politik dan ekonomi, kami menuju masa depan yang lebih stabil," katanya.

Putera Ranariddh berkata beribu juta dollar pelaburan asing mula masuk ke Kemboja dan ini sendiri merupakan sebahagian besarnya keyakinan pelabur asing terhadap masa depan negara itu.

Dengan bantuan besar kebanyakannya bagi pembangunan infrastruktur daripada Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Jepun -- kesemuanya penting untuk menarik pelaburan asing -- dikuatkan pula dengan peraturan dan undang-undang yang liberal, Kemboja dan rakyatnya kini menuju ke arah kestabilan dan kemakmuran yang lebih baik.

Masa depan yang menanti amat menarik kerana Kemboja dijadual diterima sebagai anggota kelapan Asean tahun depan dan ini sebaik selepas Amerika Syarikat memberikan Kemboja status Negara Yang Diberi Keutamaan (MFN) minggu lepas.

Status MFN -- yang memberikan tarif keutamaan bagi senarai lebih 4,000 bahan eksport -- telah memberikan negara itu satu kelebihan daripada negara lain seperti Vietnam dan Myanmar.

"Vietnam dan Myanmar tidak dijangka diberikan status MFN buat masa ini kerana Amerika sensitif terhadap isu-isu seperti hak asasi manusia," katanya.

Berpakaian busjaket biru tua, Ranariddh kelihatan amat relaks tetapi berkata walaupun beliau mempunyai keghairahan mendalam terhadap tugasnya yang "rumit" sebagai Perdana Menteri, beliau tidak mempunyai banyak kesabaran.

"Anda perlu mempunyai keghairahan dan kesabaran sebagai Perdana Menteri Kemboja. Tetapi saya harus mengakui yang saya bukan seorang yang penyabar... bagaimana boleh saya sabar apabila banyak yang perlu negara saya kejari terutama kini kami akan menjadi anggota Asean yang (kecuali Vietnam) sudahpun jauh membangun," katanya.

Putera Ranariddh memberikan contoh petunjuk ekonomi yang amat positif bagi Kemboja.

Ekonomi tumbuh pada kadar 5.4 peratus pada 1994 tetapi mencapai 7.6 peratus tahun lepas. Untuk lima tahun akan datang ia dijangka mencapai purata 7 peratus. Tambahan kini, matawang riel sudah stabil dan merupakan petunjuk terbaik bagi kekuatan rezab asing Kemboja serta kepercayaan rakyat Kemboja terhadap negara mereka sendiri."

Ranariddh, anak lelaki Norodom Sihanouk berkata dalam banyak cara beliau cuba relaks seperti Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dr Mahathir berusia 71 tahun tetapi beliau kelihatan jauh lebih muda. Saya lihat ubannya pun tidak banyak. Saya tidak tahu apakah rahsia beliau tetapi saya harus beritahu anda bahawa dalam saya cuba untuk kekal muda saya tidak mengamalkan sebarang ginseng," katanya berseloroh.

Perdana Menteri itu juga berkata beliau menentang dasar mengasingkan Myanmar hanya untuk memastikannya mengamalkan demokrasi dan membaik rekod hak asasi manusianya.

Katanya sementara kerajaan Amerika Syarikat kritikal terhadap Myanmar, ia merupakan pelabur asing yang pertama dan terbesar di negara itu dan berkata sikap berat sebelah sebegini tidak boleh diterima. -- BERNAMA.

AU RON